



LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

IKLAN:

Ruj.: Bil. (3) I / STAg / 2023

PELAWAAN PERMOHONAN SKIM TUNAS AGRO (STAg) BIL. 3/2023

1.0 MAKLUMAT AM

- 1.1 Program Skim Tunas Agro (STAg) merupakan program baru yang dianjurkan oleh Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani, KEJORA untuk memberi peluang kepada individu dalam wilayah KEJORA yang baru menceburkan diri dalam bidang pertanian bagi melaksanakan projek pertanian secara berskala kecil.
- 1.2 Objektif pelaksanaan Skim Tunas Agro (STAg) ini adalah sepertimana berikut:
 - i. Memberi peluang dan galakkan kepada peserta kursus pertanian yang berpotensi terutamanya golongan muda untuk menceburi bidang pertanian.
 - ii. Membantu mengurangkan modal permulaan kepada peserta projek ekonomi berskala kecil yang baru hendak melaksanakan projek pertanian.
 - iii. Dapat melahirkan peserta projek ekonomi berskala kecil yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pertanian di samping menjana pendapatan sampingan.
- 1.3 Pelaksanaan program ini juga akan melahirkan usahawan pertanian baru terutamanya golongan muda di wilayah KEJORA dalam melaksanakan projek-projek pertanian.

2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 Permohonan program adalah terbuka kepada **Individu** yang baru menceburkan diri dalam bidang pertanian bagi melaksanakan projek pertanian secara berskala kecil dengan syarat-syarat dan terma-terma sepertimana berikut:
- i. Pemohon **memiliki** sijil kursus & latihan pertanian anjuran KEJORA atau lain-lain Agensi Kerajaan / Swasta;
 - ii. Pemohon mestilah berumur di antara **lapan belas (18) hingga empat puluh (40) tahun** pada tahun permohonan;
 - iii. **Pengalaman** dalam melaksanakan projek pertanian adalah **tidak diwajibkan**;
 - iv. Pemohon mestilah berstatus **Bumiputera**;
 - v. Had pembiayaan keatas projek adalah maksimum sehingga **RM5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja)** bagi setiap projek;
 - vi. Jenis bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk **perbekalan peralatan dan input pertanian** sahaja mengikut keperluan sebenar;
 - i. Syarat-syarat lain adalah :
 - a. Memiliki tapak projek
 - b. Lokasi projek di dalam wilayah KEJORA
 - c. Mengemukakan akaun persendirian atau akaun projek
 - d. Mengemukakan sijil kursus & latihan pertanian anjuran KEJORA atau lain-lain Agensi Kerajaan / Swasta
 - e. Mengemukakan kertas cadangan perniagaan
 - f. Penduduk dalam wilayah KEJORA
 - g. Mengemukakan dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, pendaftaran perniagaan (jika ada), penyata bank dan mendapatkan pengesahan daripada majikan / penghulu / Ketua Kampung / Pegawai A Kumpulan Pengurusan & Profesional Kerajaan.

2.2 Pemohon-pemohon yang berjaya untuk menyertai program ini akan dikenakan syarat-syarat kelulusan tawaran sebagaimana berikut:

- i. Peserta yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani surat Aku Janji KEJORA
- ii. Peserta yang berjaya hendaklah memastikan peralatan dan input-input pertanian yang dibekalkan digunakan dan dijaga dengan baik.
- iii. Peserta yang berjaya dikehendaki untuk **mengemukakan laporan prestasi** secara berkala pada setiap suku tahun atau **tiga (3) bulan sekali**.
- iv. Peserta yang **tidak melaksanakan projek selama tiga (3) bulan berturut-turut boleh DIBATALKAN** daripada program ini. Pihak KEJORA juga berhak untuk mengambil semula perbekalan peralatan yang masih dalam keadaan baik dan boleh digunakan untuk diberikan kepada peserta lain yang layak.
- v. Peserta hendaklah membenarkan pegawai atau anggota-anggota KEJORA pada bila-bila masa memasuki, memeriksa dan melawat kawasan projek.
- vi. Peserta hendaklah bersedia memberikan penerangan dan maklumat yang dikehendaki oleh pihak KEJORA pada bila-bila masa yang diperlukan.

3.0 PERMOHONAN

3.1 Permohonan adalah perlu dikemukakan melalui Borang Permohonan yang boleh diperolehi secara percuma melalui kaedah berikut:

- i. Memuat turun di laman web KEJORA : www.kejora.gov.my, atau;
- ii. Mengisi borang permohonan secara atas talian melalui *google form* iaitu: <https://forms.gle/S4AS3qsELRsoWAAm9> atau;
- iii. Mendapatkan borang permohonan di ibu pejabat KEJORA sepertimana alamat berikut:

**LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA,
BANGUNAN IBUPEJABAT KEJORA,
JALAN DATO' HJ. HASSAN YUNUS,
BANDAR PENAWAR,
81930 BANDAR PENAWAR,
JOHOR.**

- 3.2 Permohonan yang lengkap perlulah dikembalikan kepada alamat diatas atau emelkan ke pertanian@kejora.gov.my.
- 3.3 Tarikh tutup permohonan adalah pada **24 OKTOBER 2023 (SELASA)** sebelum jam 5.00 petang. Borang yang diterima selepas daripada tempoh tersebut tidak akan diterima dan diproses.
- 3.4 Sekiranya tiada sebarang jawapan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh iklan ditutup, maka permohonan tuan/puan adalah dianggap TIDAK BERJAYA.
- 3.5 Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi **Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani, KEJORA** di talian **07-8843000** atau **07-8843159**.

Sekian, terima kasih.

Pengurus Pertanian dan Industri Asas Tani,
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara,
b.p. Pengurus Besar KEJORA

Tarikh Iklan : 18 OKTOBER 2023 (RABU)